

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ekonomi?
  - A Kajian tentang bagaimana manusia mengatasi masalah kos lepas
  - B Kajian tentang tindakan manusia untuk mengurus sumber ekonomi yang terhad
  - C Kajian tentang tindakan manusia untuk mengurangkan pembaziran sumber
  - D Kajian tentang bagaimana manusia memperuntukkan sumber ekonomi
  
2. Antara yang berikut, pilihan manakah yang tepat menggambarkan masalah kekurangan dalam ekonomi.
  - A. Kerajaan berhasrat menyediakan semua kemudahan awam dengan kutipan hasil cukai yang diperolehi untuk rakyat.
  - B. En. Husaini dapat membeli semua barang yang disukainya dengan pendapatan yang tinggi hasil daripada keuntungan perniagaannya.
  - C. Syarikat Ali Bhd mampu mengeluarkan semua barang yang diminta pengguna kerana mempunyai sumber ekonomi yang banyak.
  - D. Puan Aisyah hanya mampu membeli sepasang kasut sukan sahaja untuk anaknya setelah menerima wang Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM300.
  
3. Jadual 1 di bawah berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Seri Dewi.

Teknik Pengeluaran	Sos cili (botol)	Sos tiram (botol)
W	0	100
X	20	80
Y	60	50
Z	80	20

Jadual 1

Apakah kos lepas jika Syarikat Seri Dewi menukarkan teknik pengeluaran daripada X ke Z?


- A 20 botol sos cili
- B 40 botol sos cili
- C 60 botol sos tiram
- D 80 botol sos tiram

4. Maklumat berikut berkaitan cara penyelesaian masalah asas ekonomi oleh sebuah firma

Mengeluarkan barang dengan cara memaksimumkan keuntungan
Bergantung kepada corak agihan pendapatan

- I Apakah yang hendak dikeluarkan
  - II Berapakah yang hendak dikeluarkan
  - III Bagaimana hendak dikeluarkan
  - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
5. Apakah kelebihan sistem ekonomi campuran berbanding dengan sistem ekonomi pasaran bebas?
- A Kestabilan penawaran
  - B Keadilan agihan pendapatan
  - C Tiada persaingan antara firma
  - D Keuntungan firma lebih tinggi
6. Pernyataan manakah benar tentang hukum permintaan?
- A Sofea akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
  - B Fauzan akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang meningkat
  - C Syarikat Afiif akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
  - D Syarikat Waafi akan mengurangkan pengeluaran barang apabila harga barang meningkat

7. Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan pasaran bagi suatu barang.



- I Merupakan kuantiti diminta individu terhadap barang dan perkhidmatan pada setiap tingkat harga dalam pasaran
  - II Diperoleh dengan menjumlahkan secara mendatar semua kuantiti diminta setiap individu pada setiap tingkat harga dalam pasaran
  - III Pada harga RM2 jika kuantiti diminta individu A ialah 9 unit, maka kuantiti diminta individu B ialah 13 unit
  - IV Berbentuk landai dan mencerun ke atas dari kiri ke kanan kerana hubungan negatif diantara harga dan kuantiti
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

8. Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan terhadap penghawa dingin.


Bulan	Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
Januari 2019	1500	5000
Mac 2019	1500	8000

Jadual 2

Faktor manakah yang mempengaruhi keadaan tersebut?

- A Pengguna semakin suka menggunakan alat tersebut
- B Kerajaan memberi Bantuan Khas penjawat awam
- C Berlaku fenomena El Nino di dalam negara
- D Penggunaan buruh mahir yang ramai

9. Rajah 2 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran kereta tempatan.



Rajah 2

Tindakan kerajaan manakah yang menyebabkan perubahan tersebut?


- A Melonggarkan syarat sewa beli
  - B Menaikkan kadar faedah pinjaman
  - C Melaksanakan kempen perkongsian kereta
  - D Mengurangkan pelepasan cukai pendapatan
- 10 Apakah kesan terhadap pasaran barangan apabila lebih penawaran berlaku?
- I Tingkat harga barang akan menurun
  - II Kuantiti diminta barang meningkat
  - III Tingkat harga barang akan meningkat
  - IV Kuantiti diminta barang akan menurun
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan IV
  - D III dan IV

11. Penawaran biskut bertambah daripada 160 unit kepada 220 unit apabila harga biskut meningkat daripada RM 1.50 kepada RM 2.00. Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut?
- A. 0.53
  - B. 0.89
  - C. 1.13
  - D. 1.88
12. Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?
- A. Encik Ali membayar RM5000 sebagai deposit untuk kereta baharu
  - B. Cik Amri membayar RM 250 setiap bulan untuk motosikalnya selama dua tahun
  - C. En Azam mengunjungi lebih daripada 10 gerai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli.
  - D. Puan Maimum membeli barang kemas pada harga diskaun 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Intan Jewel Sdn Bhd.
13. Apakah kelebihan menggunakan overdraft dalam sesuatu urusanniaga?
- A. Boleh mengeluarkan wang tanpa had
  - B. Pendeposit di bank perdagangan layak ditawarkan kemudahan ini.
  - C. Dapat digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai
  - D. Faedah yang dikenakan tidak tertakluk terhadap wang yang dikeluarkan

14. Pernyataan manakah menunjukkan persamaan antara deposit tabungan dengan deposit semasa di bank perdagangan?

- I. Disediakan buku akaun simpanan
  - II. Pengeluaran wang pada bila-bila masa
  - III. Kemudahan menggunakan kad ATM
  - IV. Boleh memohon kemudahan overdraft
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

15. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilihan pekerjaan individu.

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran lumayan akan ditawarkan kepada mereka yang berjaya dalam temu duga</li><li>• Kelulusan diploma atau kelayakan lain yang setara diperlukan</li><li>• Sesiapa yang berminat, sila hubungi Mr Ang</li><li>• ( 0199865623)</li></ul>
--	--

Antara berikut, yang manakah mungkin merupakan faktor yang menarik En Lee untuk memohon jawatan tersebut?

- I Upah wang
  - II Waktu bekerja
  - III Faedah sampingan
  - IV Kelayakan akademik
- A. I dan III
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

16. Maklumat berikut adalah mengenai Puan Zarina

Pendapatan tahunan Puan Zarina ialah RM 48 000. Daripada jumlah ini, RM 5 280 dicarumkan kepada KWSP, RM 600 untuk potongan cukai pendapatan dan RM 300 untuk bayaran zakat

Hitungkan perbelanjaan penggunaan Puan Zarina jika tabungan adalah RM 4 600

- A. RM 37 220
- B. RM 37 520
- C. RM 41 820
- D. RM 43 400

17. Setiap hari, Amin memperoleh wang daripada ayahnya untuk perbelanjaan di sekolah. Jenis pendapatan yang diperoleh Amin dikenal sebagai....

- A. Sewa
- B. Untung
- C. Dividen
- D. Bayaran pindahan

18. Yang manakah benar tentang pelaburan peribadi.

	Jenis pelaburan peribadi	Tahap risiko	Kecairan
A	Simpanan tetap	Bebas risiko	Rendah
B	Hartanah	Rendah	Tinggi
C	Saham syarikat	Sederhana	Tinggi
D	Urusniaga pertukaran asing (FOREX)	Tinggi	Tinggi

19. Pernyataan manakah yang betul tentang kos tetap?

- A. Kos yang ditanggung untuk mengeluarkan seunit output
- B. Wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang
- C. Pembelian untuk mendapatkan bahan mentah dalam proses pengeluaran
- D. Pembayaran yang perlu dilakukan walaupun pengeluaran belum bermula

20 Pilih pernyataan yang benar mengenai hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran firma.

- A. Berlaku kemajuan yang berterusan dalam tingkat teknologi pengeluaran
- B. Jumlah keluaran firma semakin meningkat apabila penggunaan input bertambah
- C. Jumlah keluaran semakin menurun jika input berubah ditambah berterusan ke atas input tetap
- D. Gabungan yang paling cekap antara input berubah dan input tetap untuk menambah output

21. Jadual di bawah menunjukkan kos yang ditanggung oleh Firma Hasnim.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (unit)	Kos berubah (unit)
5	10	20
10	10	40
15	10	55
20	10	65

Berapakah kos purata yang ditanggung oleh Firma Hasnim apabila jumlah output ialah 15?

- A. 2.0
- B. 3.0
- C. 3.7
- D. 4.3



22. Jadual di bawah menunjukkan perbelanjaan En Rosli sebagai penternak ikan.

Butiran	Kos Eksplisit (RM)
Pembinaan kolam	12 000
Pembelian peralatan	9 000
Pembelian benih dan makanan ikan	5 000

Encik Rosli telah meletak jawatan sebagai kerani kewangan dengan gaji RM3 000. Tapak kolam tersebut adalah miliknya sendiri bernilai RM8 000. Berapakah kos implisit dan kos eksplisit ?

	Kos Implisit (RM)	Kos Eksplisit (RM)
A	11 000	26 000
B	3 000	34 000
C	20 000	17 000
D	8 000	29 000

23. Pernyataan di bawah berkaitan dengan eksternaliti.

Penurunan harga kereta tempatan menyebabkan permintaan kereta meningkat secara mendadak.

Berdasarkan pernyataan diatas, apakah kos sosial yang wujud kesan daripada situasi tersebut?

- A Peningkatan taraf hidup masyarakat
- B Keuntungan syarikat pengedar kereta meningkat
- C Berlaku kesesakan lalu lintas
- D Pendapatan boleh guna masyarakat meningkat

24. Apakah ciri yang berkaitan dengan monopoli semulajadi ?

- A Lebih daripada seorang pengeluar
- B Berkuasa untuk menentukan harga
- C Persaingan bukan harga amat penting
- D Kebebasan firma untuk masuk dan keluar pasaran

- 25 Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran.
- A Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
  - B Pekerja yang meletakkan jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain.
  - C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
  - D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran.
- 26 Manakah yang menyebabkan inflasi tolakan kos ?
- A Pertambahan kos bahan api
  - B Pengembangan kredit bank perdagangan
  - C Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan
  - D Peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan
- 27 Bagaimanakah dasar kewangan mengatasi masalah pengangguran yang tinggi dan lambakan stok dalam ekonomi ?
- I Menurunkan kadar cukai
  - II Menurunkan kadar faedah
  - III Membeli surat jaminan kerajaan
  - IV Menurunkan perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

28 Dasar fiskal menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui

- I kenaikan cukai
  - II penurunan cukai
  - III pertambahan perbelanjaan kerajaan
  - IV pengurangan perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

29 Pernyataan di bawah berkaitan dengan sejenis cukai

Apabila tingkat pendapatan semakin meningkat,  
kadar cukai yang dikenakan semakin menurun.

Pernyataan di atas berkaitan dengan cukai ...

- A Langsung
- B Tak langsung
- C Progresif
- D Regresif

30 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi globalisasi ?

- A Kenaikkan taraf perintis
- B Perkembangan ekonomi
- C Perkembangan teknologi maklumat
- D Kenaikkan kadar pertukaran asing

31 Apakah tujuan kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import ?

- A Menggalakkan penawaran barang import
- B Memperbaiki imbalan pembayaran
- C Meningkatkan kadar pengangguran
- D Menambahkan pendapatan negara

32. Situasi manakah merupakan komposisi eksport tak nampak Malaysia?
- A. Syarikat NRS menghantar pekerjaanya berkursus dalam bidang elektrik di Jepun
  - B. Encik Albert dari United Kingdom membeli tiket untuk menonton perlumbaan kereta Formula One (F1) di Litar Antarabangsa Sepang
  - C. Syarikat TR Travel dari bandar Klang menyewa syarikat penerbangan Kuwait untuk membawa rombongan umrah ke Arab Saudi.
  - D. Encik Ismail sekeluarga melancong sambil menonton pertandingan bola sepak piala dunia di Brazil
33. Apakah kesan negatif daripada wujudnya pelaburan asing di Malaysia?
- A. Negara yang menerima pelaburan asing senang mengawal aliran keluar untung
  - B. Syarikat-syarikat gergasi akan menguasai sektor-sektor yang menguntungkan
  - C. Penderiaan dan pengeluaran sumber alam yang boleh dikawal
  - D. Imbangan pembayaran memberi kesan positif
34. Situasi manakah yang menyebabkan berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- I Kemasukan pelaburan Australia ke Malaysia
  - II Jepun membeli petroleum mentah dari Malaysia
  - III Syarikat Malaysia melabur di China
  - IV Malaysia memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Palestin
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

35. I Buruh digunakan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.  
 II Contoh pendapatan daripada faktor pengeluaran buruh ialah pencen.
- 36 I Pemegang akaun simpanan tetap diberi kemudahan menggunakan cek.  
 II Cek adalah wang yang digunakan untuk pembayaran dalam urus niaga atas arahan daripada pihak bank.
- 37 I Hukum penawaran menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti ditawarkan akan menurun.  
 II Hukum penawaran digambarkan oleh keluk penawaran yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
38. I Permintaan anjal bermaksud nilai keanjalan harga permintaan adalah lebih daripada 1.  
 II Keanjalan harga permintaan sama dengan 2.0, ia merupakan barang pertanian.
- 39 I Embargo merujuk kepada perintah larangan atau pemuluan perdagangan terhadap negara tertentu.  
 II Contoh embargo ialah kerajaan Malaysia mengenakan had maksimum bagi barangan berasaskan hasil tenusu daripada New Zealand.
40. I Cukai tak langsung merupakan cukai yang bebannya tidak boleh dipindah kepada orang lain.  
 II Duti import merupakan cukai tak langsung

KERTAS SOALAN TAMAT